

27 JAN 2001

IPF-Cadangan

IPF MAHU CADANGAN KONKRIT DARIPADA MIC

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Parti Progresif India Se-Malaysia (IPF) dalam kenyataan pertamanya selepas tiga hari menerima pelawaan MIC supaya mereka kembali ke pangkuannya, mahukan MIC mengemukakan cadangan konkrit mengenai bagaimana mereka dapat diserapkan.

"Kami belum menerima jemputan bertulis rasmi daripada MIC... kami juga mahu tahu bagaimana jika kami memutuskan untuk menyertai MIC, anggota IPF akan diserap masuk... kami mahu maklumat lanjut termasuk perlembagaan parti," kata presiden IPF Datuk M. G. Pandithan pada persidangan media di sini hari ini.

Parti itu berharap MIC akan mengemukakan maklumat mengenai cadangan itu sebelum jawatankuasa bersama majlis pusat IPF bermesyuarat pada Ahad depan bagi membolehkan kepimpinan parti terbabit membincangkannya secara menyeluruh.

Menurutnya hanya selepas cadangan konkrit dikemukakan, kepimpinan parti itu mengkaji implikasi menyertai MIC dan menjelaskan perkara itu kepada anggota parti.

"Saya ingin mengetahui apa akan terjadi kepada setengah juta anggota saya... ini mesti dijelaskan kerana kami mempunyai kira-kira 1,800 cawangan dan 100 bahagian...lebih-lebih lagi kami perlukan perlembagaan MIC untuk melihat sama ada anggota yang telah dipecat boleh menyertai semula parti itu," katanya.

Selasa lepas, presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu yang sebelum itu mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pusat parti, mempelawa IPF dan Pandithan menyertai semula MIC.

Jemputan Samy Vellu itu mendapat reaksi positif hampir kesemua pemimpin Barisan Nasional (BN) termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu IPF menimbang secara serius pelawaan terbabit.

Pandithan yang dihubungi sebaik sahaja pelawaan itu diumumkan, meminta lebih banyak masa dan berkata beliau akan mendapatkan pandangan anggota parti sebelum membuat keputusan.

Pandithan, bekas naib presiden MIC, dipecat daripada parti itu kerana bertindak bertentangan dengan kepentingan MIC pada 1988. Beliau kemudiannya menubuhkan IPF.

Pandithan yang ditanya sama ada telah membincangkan perkara itu dengan anggota parti berkenaan berkata setakat ini beliau belum membincangkan isu itu kerana sibuk menyediakan persiapan untuk perhimpunan agung kesembilan IPF yang dijadual dirasmikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Abdullah Ahmad Badawi pada 11 Feb.

"Saya mahu perhimpunan selesai terlebih dahulu sebelum mendapat persetujuan anggota IPF jika mereka mahu menyertai MIC melalui undi rahsia," katanya.

Ditanya apa yang terjadi jika berlaku perpecahan di kalangan anggota IPF mengenai isu itu, Pandithan berkata suara majoriti akan diikuti.

Beliau yang juga ditanya sama ada secara peribadi akan menerima tawaran MIC itu berkata tidak timbul persoalan beliau mengambil kedudukan dalam kepimpinan MIC tetapi lebih kepada hasrat anggota IPF.

"Kedudukan saya, jika IPF menyertai MIC, tidak penting...kedudukan pemimpin negeri, bahagian dan cawangan partilah yang penting ...apakah nasib anggota parti saya.

"Cinta saya pada mereka (anggota IPF) adalah lebih besar daripada segala-galanya dan saya tidak boleh mengabaikan mereka saya perlu

letakkan mereka dalam kedudukan selamat terlebih dahulu," katanya.

Pandithan berkata apa sahaja keputusan mengenai perkara itu, beliau tidak akan membelakangkan anggota parti tetapi mereka akan dibenarkan membuat keputusan mereka sendiri.

Menurutnya beliau belum bercakap dengan Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya, selepas tawaran itu dibuat tetapi beliau sedia mengadakan rundingan dengannya.

Ditanya sama ada beliau menjangkakan tawaran itu, Pandithan berkata beliau terkejut dan bingung dengan tindakan itu "walaupun ia datang agak lewat tetapi merupakan langkah yang baik dan kami mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Samy Vellu di atas pelawaan itu."

Dalam reaksi balasnya, setiausaha agung MIC S. Sothinathan berkata cadangan yang diminta oleh IPF itu akan bincangkan oleh pemimpin parti tidak lama lagi. Samy Vellu kini berada di India dan beliau dijangka pulang lewat malam ini.

Bagaimanapun, Sothinathan berkata Pandithan dan anggota IPF sepatutnya menjadi anggota MIC dahulu sebelum meminta keistimewaan dalam parti itu.

"Presiden (Samy Vellu) sudah membayangkan bahawa Pandithan akan diberi jawatan dalam jawatankuasa kerja pusat MIC dan jika beliau menyertai MIC, sudah pasti beliau akan diberi kedudukan dan kita tidak akan mengabaikan anggota IPF," katanya.

-- BERNAMA

SR AZZ LAT RON